

Projek yang sedang dilaksanakan diteruskan

KUALA LUMPUR, Selasa — Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim hari ini menegaskan kebanyakan projek yang sedang dilaksanakan oleh kementeriannya akan diteruskan.

"Tidak banyak perubahan akan saya lakukan, sebaliknya projek-projek itu akan diteruskan," katanya.

Dalam pertemuannya dengan ketua-ketua jabatan di kementerian itu pada hari pertama mengambil-alih secara rasmi jawatan itu dari Pemangku Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Encik Anwar meminta mereka bekerjasama, memberi pendapat, teguran yang membina bagi memastikan kejayaan projek-projek yang hendak dijalankan.

Katanya, beliau bukanlah satu bidang baru baginya malah di Bahagian Belia di Kementerian itu ramai kawan lamanya.

"Mungkin kerana saya ramai kawan di sinilah agaknya, saya dihantar ke mari," katanya sambil ketawa.

Beliau juga menganggap kedatangannya ke kementerian itu sebagai "pulang ke pangkuan keluarga", terutama dalam mengendalikan hal-hal belia.

Encik Anwar menegaskan, beliau akan berusaha menggembelngkan tenaga muda dan memajukan kegiatan ekonomi yang berterusan.

Dalam bidang kebudayaan pula, kata Encik Anwar, satu penekanan baru perlu diadakan bagi menentukan nilai-nilai baik wujud dalam budaya yang sihat dan menyeleruh.

Beliau ingin memperbanyakkan orang-orang dalam bidang sukan terutama dari kakitangan di Kementerian itu sendiri, bukan setakat menjadi peminat sukan sahaja.

Pada keseluruhannya, kata Encik Anwar, banyak yang perlu dipelajarinya dan dilakukan demi meninggikan maruah kementerian.

Terdahulu dari itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi yang memangku Jawatan itu selama 11 bulan, memperkenalkan

Menteri baru itu kepada ketua-ketua jabatan di kementerian itu.

Beliau meminta supaya semua kakitangan di kementerian itu memberikan kerjasama dan sokongan kepada Encik Anwar sebagai Menteri baru di kementerian itu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia